

Peranan Sastera Dalam Menjana Modal Insan Pelajar Melayu Ke Arah  
Kemajuan Pendidikan.

Dr. Hajah Siti Khariah Mohd. Zubir

Email : [khariah@fb.upsi.edu.my](mailto:khariah@fb.upsi.edu.my)

### Abstrak

Kesusasteraan adalah satu cabang kesenian. Istilah kesenian atau seni bererti hasil ciptaan atau karya manusia yang berbentuk tulisan dan mengandungi unsur keindahan. Kesusasteraan bukan sahaja berunsur keindahan tetapi terkandung juga dengan unsur falsafah, pengajaran, pendidikan, kiasan dan perbandingan hidup dan seni pemikiran. Penulis yang mencipta karya cuba melukiskan sesuatu peristiwa atau kejadian, bahkan dapat pula menyelami jiwa yang dialami oleh seseorang yang dijadikan watak dalam karyanya. Kesusasteraan Melayu berfungsi sebagai alat pendidikan yang dapat mengimbangi rohani, mental, emosi, sahsiah dan sosial seseorang. Manakala modal insan pula merupakan individu yang tidak bersifat individualistik tetapi bersifat sebahagian daripada masyarakat Malaysia yang berilmu, berkeyakinan, memiliki nilai murni dan moral yang tinggi, beretika, berbudi pekerti, bersopan-santun, keluarga mantap, berdisiplin, dinamik, berdaya tahan tinggi, berinovasi, kreatif, sihat, bersemangat patriotik dan kenegaraan, adil, bersikap progresif, cekal, berintegrasi dan berbudaya saing. Kombinasi daripada peranan sastera dan individu yang berperanan sebagai modal insan dapat menjana pembangunan pelajar Melayu yang berdaya saing ke arah kemajuan pendidikan.

### Pengenalan

Menurut Abdul Halim Ali (2006:1), kesusasteraan adalah seni yang menggunakan kata-kata secara indah dan cantik (seni). Ianya disampaikan melalui bahasa atau buku yang indah. Kesusasteraan dalam bahasa Inggeris disebut *literature* yang bermaksud "segala sesuatu yang tertulis". Literature yang berasal dari perkataan Latin *littere* (letter) yang bermaksud kata-kata yang tertulis dan tercetak daripada imaginasi dan penulisan kreatif.

Manakala menurut Hashim Awang (1988:5) dalam *Alam Melayu*, istilah sastera berasal daripada perkataan Sanskrit iaitu dari akar kata *Sas* yang membawa maksud *mengajar* dan *tra* pula membawa maksud *menyampaikan pengajaran*. Ianya adalah sebagai satu ciptaan seni yang disampaikan melalui bahasa dan ianya mungkin di tutur atau ditulis. Kesusasteraan adalah suatu hasil karya yang indah ditulis daripada seorang pengkarya.

Siti Hawa Haji Salleh (1997:xvi), kesusasteraan ialah satu keindahan iaitu keindahan bahasa yang asalnya terdapat dalam istilah Sanskrit susastera, dan diganti sahaja dengan istilah teks yang merujuk pada tulisan – tulisan yang mengandungi pengajaran, arahan atau petunjuk cara bagaimana sesuatu itu patut dilakukan.

Ciptaan kesusasteraan berbeza dengan ciptaan – ciptaan seni yang lain. Ia menggunakan bahasa sebagai alat penyampaiannya. Melalui bahasa, keindahan kesusasteraan dapat dirasakan oleh pembacanya. Dengan bahasa juga mereka dapat menggarap isi dan tujuan sambil menghayati segala pengalaman dan perasaan yang tercurah.

Sesebuah hasil kesusasteraan yang bermutu tidak mempamerkan bahan atau menggunakan bahasa dan olahan yang indah sahaja tetapi seharusnya memiliki unsur-unsur intelek, tersirat dengan emosi dan perasaan, penuh dengan ekspresi dan imaginasi serta kaya dengan sifat-sifat kreatif. Penggunaan teknik yang baik dan menarik juga merupakan faktor yang penting. Dengan cara inilah kesusasteraan dapat memikat hati para pembaca.

Unsur-unsur intelek dalam kesusasteraan bukan sahaja menjadikan sesebuah karya sastera itu sebagai bahan hiburan semata-mata, tetapi lebih penting sebagai bahan pembacaan untuk mendapatkan pendidikan. Fikiran-fikiran yang ditimbulkan terutamanya aspek-aspek yang berhubung dengan soal-soal moral, kemasyarakatan, ekonomi dan politik, dapat dijadikan bahan renungan dan teladan kepada para pembaca.

Kesusasteraan juga dikatakan dapat mendorong kepada satu pembentukan peribadi yang halus dan mulia, serta mampu mengukir nilai-nilai manusia yang boleh berfikir dan bertindak secara dewasa.

### Peranan Sastera

Falsafah Pendidikan Kebangsaan menuntut kewujudan insan seimbang dari segi emosi, jasmani, rohani dan intelek. Justeru salah satu wahana pengajaran dan pembelajaran yang berupaya membantu menterjemahkan citra unggul Falsafah Pendidikan Kebangsaan ini ialah mata pelajaran Kesusasteraan Melayu. Kesusasteraan Melayu diperkenalkan di sekolah adalah bertujuan untuk menyuburkan pertumbuhan dan perkembangan rohani pelajar menerusi penghayatan dalam karya yang berfungsi sebagai cerminan kehalusan seni, budi, pemikiran, intelek, pernyataan rasa dan budaya bangsa Melayu. Melalui Dasar Pembangunan Pendidikan kita akan dibawa kepada suatu gagasan untuk mewujudkan manusia yang serba baik dari segi mental, rohani dan jasmani.

Kesusasteraan tidak dapat dipisahkan daripada manusia dan masyarakat. Sastera juga berkembang mengikut perubahan zaman dan tuntutan yang memberikan kesan kepada manusia. Menurut Shamsudin Othman (2006:313), mata pelajaran Kesusasteraan merupakan satu subjek yang dapat membina nilai insaniah dalam kehidupan manusia. Hal ini bertepatan dengan konsep membina "modal insan" yang diharap-harapkan oleh pemimpin negara. Kita tidak mahu melahirkan satu bangsa seperti robot yang tidak mempunyai nilai-nilai kemanusiaan ketika bertindak atau mengambil keputusan.

Kesusasteraan juga memainkan peranan sebagai pemotretan pengalaman kehidupan dan pencerminan kehidupan sarat pengalaman. A. Samad Said (1989), dalam bukunya *Antara Bulan dan Wina* menyatakan bahawa kesusasteraan adalah laporan hidup daripada siri krisis yang dihadapi oleh manusia kini. Ia adalah sejarah jatuh bangunnya manusia, kepetahannya, sukanya yang sedetik dan dukanya yang berpanjangan; ketawanya yang pendek dan tangisnya yang berulang. Sastera, dengan ringkasnya adalah rakaman pengolahan, lahir dan batin manusia di dalam dunianya yang serba mungkin boleh dibina menjadi syurga atau dicerna menjadi neraka. Secara langsung mahupun secara tidak langsung, karya-karya sastera atau

kesusasteraan merupakan proses dan usaha pencurahan seluruh pengalaman manusia sama ada secara disedari ataupun secara tidak disedari langsung oleh seseorang atau masyarakat yang bergelut segala konflik, penderitaan, perjuangan dan tidak ketinggalan juga kebahagiaannya.

Seterusnya, sastera sebagai pembentuk jati diri manusia. Kesusasteraan dengan kepelbagaian genre seperti sajak, cerpen dan novel, masing-masing mempunyai bentuk penyampaian berbeza tetapi mempunyai matlamat yang sama, iaitu mendekati unsur-unsur kemasyarakatan melalui proses pembacaan. Oleh itu, seseorang pengkarya hendaklah menggarap hasil karyanya yang mudah, mesra pembaca dengan memberikan konotasi mudah difahami. Karya yang agak sukar untuk difahami sudah pasti memberi kesan kepada minat pembaca pelajar sekolah khususnya, tetapi tidak bermakna ia tidak boleh dipermudahkan. Contohnya, usaha menggarap nilai sejarah melalui fiksi seperti novel, ternyata mampu dan berhasil membentuk kelompok pembacanya yang tersendiri. Meskipun tidak semua orang mementingkan sejarah tetapi ia masih boleh diadaptasikan dalam bentuk novel dengan pembinaan watak.

Untuk membangkitkan kembali sejarah silam tapi diberikan nafas baru berbentuk fiksi untuk membantu memberikan kefahaman kepada pembaca dengan lebih mudah. Itulah yang boleh dilakukan bagi memastikan masyarakat menerima kesusasteraan. Biar padat, ringkas tetapi mampu menyampaikan maksud. Sastera tidak dapat dipisahkan dengan bahasa, tetapi penggunaan dan permainan bahasanya perlu dibuat dengan bijaksana. Bahasa yang digunakan oleh pengkarya biarlah bahasa yang mudah diterokai dan difahami oleh pembaca untuk menerokai isi yang terkandung dalam tulisan itu. Ia juga akan dapat membuka minda dan menerima fakta bahawa subjek kesusasteraan bukanlah subjek picians atau tidak mempunyai nilai. Pengarang atau pengkarya pada sewajarnya cuba membuat anjakan paradigma dengan mengetengahkan unsur baru dalam sastera yang boleh diterima oleh generasi hari ini. Ini bukanlah bermakna kita ingin menghapuskan keindahan sastera, tetapi biarlah bersesuaian dengan perubahan dunia globalisasi dan kemajuan minda masyarakat yang kini mahukan semuanya dalam keadaan mudah dan pantas. Apa yang penting, kita masih mampu memartabatkan sastera.

Sastera merupakan pembentuk kepada peradaban manusia. Di zaman Kesultanan Melayu Melaka, Johor Riau dan Aceh, peradaban manusia ketika itu amat tinggi nilainya. Mereka terkenal sebagai pusat penyebaran agama Islam, pusat perdagangan dan ekonomi, persuratan, pengajian Islam dan pentadbiran. Ini terbukti dalam karya *Sejarah Melayu*, Hikayat Hang Tuah, Hikayat Aceh dan Misa Melayu yang mengisahkan kemajuan negeri Perak dalam abad ke-17. Dengan ini sastera berjaya memajukan serta dapat membentuk peradaban yang tinggi.

Selain itu, pemaparan kebudayaan melalui karya-karya sastera yang turut menyebabkan pertambahan kepesatan pembangunan negara kita. Negara kita adalah sebuah negara majmuk yang terdiri daripada beberapa kumpulan etnikinya. Dengan pembacaan karya-karya sastera yang sering memaparkan kebudayaan dan adat resam setiap kaum itu, kita dapat memahami kebudayaan dan adat resam kaum yang lain. Justeru itu, perasaan syak wasangka dan prasangka di antara kaum akan berkurangan dan seterusnya sifat-sifat toleransi, tolong menolong dan kerjasama akan terus wujud dalam kalangan rakyat dan mengakibatkan jurang perbezaan antara kaum dikurangkan. Dengan erti kata lain, apa yang dimaksudkan "perpaduan itu akan tercapai". Ini akan memudahkan lagi langkah ke arah pembentukan satu identiti bangsa, iaitu bangsa Malaysia.

Sastera berperanan sebagai wahana penerokaan kepada sejarah bangsa dan negara. Contohnya melalui subjek sejarah informasi yang tepat mengenai sejarah bangsa kita dari zaman sebelum Kesusasteraan Melayu Melaka hinggalah ke zaman kita mencapai kemerdekaan boleh diperolehi. Malahan, kita didedahkan tentang bangsa kita yang dahulunya amat mahir berdagang, bestari dan belayar. Di samping itu, bangsa kita juga cekap dan bijak dalam urusan pentadbiran. Contohnya, Sultan Mansur Syah, Sultan Muzaffar Syah dan Sultan Alauddin Riayat Syah pada zaman kemasyhuran Melaka. Dengan ini, sastera dapat membentuk jati diri sesuatu bangsa, misalnya karya-karya seperti *Sejarah Melayu*, Hikayat Hang Tuah dan Undang-undang Kanun Melaka.

Melalui karya-karya sastera sejarah, pembaca akan didedahkan tentang sejarah negara kita pada masa silam. Antaranya tentang penjajahan asing, kita dapat tahu bahawa semangat nasionalisme yang berkobar-kobar telah wujud dalam kalangan penduduk negara kita sehingga wujudnya pahlawan-

pahlawan yang sanggup menggadaikan nyawa mereka menentang pihak penjajah seperti Datuk Maharajalela yang membunuh J.W.W Birch, seorang Residen British yang cuba mencabuli hak-hak keistimewaan dan adat resam orang-orang Melayu. Kita juga dapat mengetahui kekejaman yang berlaku semasa Zaman Pendudukan Jepun di Semenanjung Tanah Melayu dan keunggulan pemimpin seperti Tuanku Abdul Rahman memerdekakan negara kita dan juga peristiwa rusuhan kaum yang berlaku pada 13 Mei 1969. Semua ini sudah tentu akan mewujudkan semangat nasionalisme dan patriotik, sifat toleransi dan kerjasama dalam kalangan penduduk supaya kita tidak akan terjatuh ke dalam belenggu penjajah semula.

Sastera juga berperanan sebagai pembangunan sahsiah dan moral sesuatu bangsa dan kaum, seperti juga mata pelajaran Pengajian Islam, falsafah, bahasa dan kaunseling berjaya membentuk akhlak yang baik dan mulia dalam kalangan pelajar dan masyarakat. Semua mata pelajaran yang disebut tadi, mendedahkan etika, nilai dan sifat-sifat murni yang perlu ada pada setiap individu. Secara tidak langsung, akan terbentuklah masyarakat yang harmoni dan sejahtera.

Melalui karya-karya sastera rakyat, dipaparkan ciri-ciri dan sifat-sifat mulia yang biasa disanjung tinggi oleh masyarakat umum dan biasa juga menceritakan pengalaman, liku-liku dan ragam hidup yang dialami oleh watak dalam cerita tersebut. Ini jelas itu bukti melalui karya-karya sasterawan negara seperti A. Samad Said dan Usman Awang, biasa menceritakan liku-liku hidup orang ramai dan semua ini adalah amat berharga dan bernilai bagi kita untuk dijadikan pedoman hidup, pada zaman yang kian mencabar ini. Ciri mulia yang sering yang dijadikan bahan utama dalam karya-karya para penulis ialah tentang sifat-sifat ketimuran yang disanjung tinggi seperti bersopan-santun, hormat menghormati dan sebagainya. Melalui pembacaan karya sastera tersebut, sudah pasti sifat-sifat terpuji itu akan tertanam dalam sanubari si pembaca itu. Dengan andaian, jika semua rakyat Malaysia mengamalkan sifat mulia ini, tentunya keadaan hidup yang harmonis dan keamanan negara akan tercapai. Dengan adanya keamanan dan kestabilan negara ini, tentu ini akan membawa berkat untuk segala usaha pembangunan negara yang dijalankan sama ada dari segi pembangunan jasmani dan fizikal negara mahupun pembangunan rohani rakyatnya.

Bukan setakat itu sahaja, malahan karya-karya sastera bercorak detektif atau

undang-undang juga membolehkan kita memahami secara mendalam tentang sistem perundangan negara kita dan mengenali apa yang dimaksudkan sebagai kegiatan jenayah yang menyalahi undang-undang dan apakah hukumannya jika tersabit kesalahan. Ini jelas terbukti akan menimbulkan kesedaran dan perasaan takut pada diri seseorang supaya tidak melakukan kesalahan itu seperti melakukan jenayah kolar putih yang dikatakan kian memuncak dan serius dewasa ini. Kalaupun semua orang dapat menghayati karya-karya sastera ini, kes-kes pecah amanah tidak akan berlaku. Dengan ini keutuhan dan kestabilan ekonomi negara akan tercapai dan seterusnya mewujudkan iklim pelaburan yang amat baik kepada pelabur-pelabur asing dan akan dapat menjayakan dan merealisasikan Wawasan 2020.

Selanjutnya, sastera juga berupaya membantu kita mengenali sosiobudaya sesuatu masyarakat. Dengan adanya sastera, kita boleh mengetahui dengan lebih mendalam tentang cara hidup, pakaian, perkahwinan adat istiadat dan sebagainya. Karya-karya sastera juga merupakan santapan jiwa yang penting bagi semua orang. Melalui pembacaan karya-karya sastera, kita juga akan mendapat ilmu pengetahuan. Karya sastera juga sering kali dijadikan drama dan ditayangkan melalui televisyen untuk tontonan umum. Malah terdapat karya sastera yang diadaptasikan ke dalam bentuk filem. Secara tidak langsung, unsur-unsur tersebut akan terpapar dan mempengaruhi jiwa penontonnya. Secara langsung atau tidak langsung, dengan membaca karya-karya sastera seperti cerpen, novel dan menonton drama atau filem, akan dapat mengisi masa lapang seseorang dengan perkara yang bermanfaat. Ini akan mengelakkan seseorang itu daripada terlibat dengan kegiatan maksiat atau terperangkap dalam najis dadah dan seterusnya menghindarkan diri daripada menjadi sampah masyarakat yang boleh membantutkan pembangunan dan kemajuan negara.

### **Konsep Modal Insan**

Modal insan dapat ditakrifkan sebagai satu usaha untuk melahirkan masyarakat yang berketerampilan cemerlang, gemilang dan terbilang. Satu usaha yang baik pada julung-julung kalinya diperkenalkan oleh Perdana Menteri yang ke-5, iaitu Dato' Seri Abdullah Haji Ahmad Badawi. Hal yang demikian adalah disebabkan inisiatif beliau supaya masyarakat Malaysia berkualiti tinggi demi

pelbagai aspek kehidupan seperti aspek politik, ekonomi dan sosial yang merangkumi sahsiah, berpengetahuan, berkemahiran, inovatif, memiliki nilai jati diri, beretika, mempunyai pendidikan, terlatih dan mempunyai pekerjaan sewajarnya.

Mohd. Arifin Ghazali (2007:288) mentakrifkan modal insan sebagai sumber manusia yang akan menyumbang bakti apabila bekerja atau mendapat pekerjaan nanti. Pendek kata modal insan merupakan tenaga manusia yang akan menentukan gagal jaya sesuatu perancangan untuk mencapai sesuatu matlamat. Sekiranya modal insan yang dilakukan tidak menepati kriteria yang diharapkan, pastinya aspirasi, objektif dan matlamat organisasi tidak akan berjaya.

Selanjutnya, Ratna Rozhida Abd. Razak (2007:468) mendefinisikan modal insan sebagai idea atau buah fikiran. Mungkin masih ada manusia yang tidak mengenali diri mereka secara jelas. Perkara ini jika dibiarkan boleh menghalang seseorang untuk melakukan yang terbaik untuk dirinya. Janganlah sampai kita berada di dalam kesesatan oleh kerana tidak mengenali diri sendiri. Bukan itu sahaja, malahan jatuh bangun bangsa, sejarah dan peradaban, begitu juga dengan keagungan dan keadilan bangsa kita juga berpunca dari kegagalan manusia mengenali diri mereka sendiri.

Manakala menurut Abdul Rahman Embong (2006:120) pada konsep pembangunan modal insan adalah sebahagian daripada konsep pembangunan insan atau (pembangunan manusia) yang lebih luas, yang sudah diterima pakai oleh Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu mulai tahun 1990. Mahbub ul Haq (1995) merupakan salah seorang pakar ekonomi dari Pakistan yang mempelopori konsep ini menjelaskan bahawa pembangunan modal insan ialah pembangunan yang berpusatkan manusia, di mana manusia menjadi ejen pembangunan dan sekali gus matlamat akhir pembangunan.

Sanjit S. Gill dan Lee Yoke Fee (2007:51) menyatakan secara keseluruhan, modal insan merupakan individu yang tidak bersifat individualistik tetapi bersifat sebahagian daripada masyarakat Malaysia, berilmu, berkeyakinan, memiliki nilai naluri dan moral yang tinggi, beretika, berbudi pekerti, bersopan santun, keluarga setiap, berdisiplin, dinamik, berdaya tahan tinggi, berinovasi, kreatif, sihat, bersemangat patriotik dan nasionalisme, adil, bersikap progresif, cekal, berintegrasi dan budaya saing. Modal insan penting kerana memiliki personaliti unggul dan masyarakat perlu mengamalkannya

demi menentukan hala tuju pembangunan negara pada masa hadapan.

Haji Shaharuddin Baharuddin (2007:527) memberikan tafsiran modal insan secara umum ialah merujuk kepada manusia yang dikategorikan berdasarkan kepada keupayaan atau kebolehan dan kemahiran yang ada pada diri seseorang di dalam perkongsian atau bagaimana seseorang pekerja itu boleh memberikan pulangan pendapatan kepada organisasi atau sumbangan kepada pertumbuhan ekonomi bagi sesebuah negara. Dia juga menjelaskan bahawa modal insan merujuk kepada usaha dalam meletakkan nilai tara di antara diri dan pekerjaan yang akan dilakukan atau pengukuran nilai ekonomi terhadap aset kemahiran yang dimiliki oleh para pekerja berasaskan kepada aset yang dimiliki oleh seseorang individu. Aset yang dimaksudkan di sini merujuk kepada keupayaan, kebolehan, kemahiran seseorang pekerja tersebut bagi melakukan pekerjaannya.

Lanoche dan Menette (1999) dalam Abd. Rahman Ahmad (2006:12) mengatakan bahawa modal insan boleh diertikan sebagai satu himpunan keupayaan dalaman, pengetahuan dan kemahiran yang dibina dan dimiliki oleh setiap individu sepanjang hayatnya. Keupayaan dalaman bermaksud gambaran tentang potensi intrinsik dalam memperoleh kemahiran oleh seseorang individu. Pendapat ini bolehlah dirumuskan sebagai keseluruhan aspek keupayaan fizikal, intelektual dan psikologi yang dimiliki oleh seseorang individu sejak dilahirkan ke alam ini untuk dimanfaatkan oleh organisasi.

Becker (1987) dalam Abd. Rahman Ahmad (2006:13) pula berpendapat bahawa modal insan turut menekankan kepada pengetahuan, maklumat, idea-idea, kemahiran dan tahap kesihatan yang dimiliki oleh seseorang individu dalam menjalankan tugas dan tanggungjawab. Beliau telah mengklasifikasikan modal insan kepada dua kategori, iaitu modal insan khusus dan modal insan umum merujuk kepada pengetahuan atau kemahiran yang dimiliki oleh setiap individu dan berguna untuk dirinya sahaja. Manakala modal insan umum merujuk kepada pengetahuan atau kemahiran yang boleh digunakan oleh semua individu yang terlibat.

Menurut pendapat Prof. Dr. Sidek Baba dalam kertas kerjanya yang dipetik oleh Haslina Hassan (2006:15) menyatakan bahawa modal insan dalam erti yang luas memerlukan ilmu, keterampilan dan nilai berguna supaya gerak kerja pengurusan sumber bernilai ekonomi dan saintifik sifatnya terarah. Namun, sering berlaku salah guna dan penyelewengan

terhadap sumber akibat insan tidak dibentuk secara seimbang terutama apabila pengetahuan dan kemahiran tidak dikaitkan dengan nilai, "nilai teras seperti amanah, adil, jujur dan bijaksana amat penting dalam pengurusan sumber. Tanpa nilai yang dikaitkan dengan Allah s.w.t manusia cenderung tamak, melakukan salah guna akhirnya merosakkan sistem."

Haji Othman Hamzah al Muqri (2006:2) menyatakan bahawa modal insan yang berjaya mestilah melalui proses pembelajaran dan pengajaran. Islam memupuk kecenderungan manusia untuk mengetahui perkara yang mereka tidak ketahui. Islam membimbing manusia ke arah mementingkan ilmu, menggalakkan pembelajaran dan pengajaran dan mengangkat darjat mereka di kalangan manusia.

Modal insan negara yang berkualiti merupakan elemen paling kritikal dalam mencapai Misi Nasional. Oleh itu, pembangunan Modal Insan akan menjadi teras utama pembangunan dalam tempoh Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9). Pembangunan Modal Insan ini akan dilaksanakan secara holistik yang merangkumi pemerolehan pengetahuan dan kemahiran atau modal intelek termasuk keupayaan keusahawanan dan pengetahuan sains dan teknologi (S&T) serta memiliki sikap, nilai dan etika positif dan progresif melalui pendidikan, latihan dan pembelajaran sepanjang hayat.

Bina upaya akan diperkukuhkan untuk membangunkan modal insan yang berpengetahuan, berkemahiran dan inovatif bagi memacu ekonomi berasaskan pengetahuan. Penekanan juga akan diberikan kepada pembangunan modal insan yang mempunyai sikap dan pemikiran progresif serta memiliki etika universal yang kukuh seperti yang digariskan dalam Islam Hadari. Pelaksanaan program pembelajaran sepanjang hayat akan terus dipergiat untuk menggalakkan peningkatan di kalangan semua lapisan masyarakat. Sistem penyampaian pendidikan dan latihan akan terus diperluas dan dipertingkatkan terutamanya dalam bidang teknikal dan vokasional. Sistem pendidikan akan terus di perkasa agar terus menjadi sekolah utama di hati rakyat Malaysia.

### **Sastera Dalam Menjana Modal Insan Pelajar Melayu ke Arah Kemajuan Pendidikan**

Ratna Roshida Abd. Razak (2007:465) menyatakan bahawa salah satu

usaha untuk membentuk akhlak ini ialah melalui ilmu sastera atau kesusasteraan. Menurutnyanya antara peranan penting sastera ialah sebagai pembentuk personaliti, mengasuh kefahaman pemikiran, menghalusi nilai keindahan dan merupakan perantara yang penting dalam proses seseorang kanak-kanak menguasai dan memperoleh nilai-nilai hidupnya dan membentuk manusia agar menjadi lebih sensitif terhadap masyarakat di sekelilingnya.

Untuk memahami bagaimana sastera boleh berperanan sebagai wadah pembentukan manusia yang sebenar, sebagai contoh kita boleh melihat dari pandangan seseorang pengarang. Pengarang yang mengenali diri dan segala aspek keinsanan akan terus memaknakan hasil karya mengenai insan dan masalahnya, insan dan komunikasi sama ada secara monolog atau dialog, perubahan insan baik secara jasmani atau rohani dan lain-lain aspek insan yang berfuturistik, bernostalgik, berinstitusi dan lain-lain. Ke semua ini bertujuan untuk meninggalkan kesan yang benar-benar mendalam terhadap diri pengarang itu sendiri dan juga diri pembaca. Kesusasteraan, sama ada pada peringkat kreatif, teks atau proses penilaian merupakan kesinambungan satu usaha manusia dari serendah-rendah lapisan kejadian Allah, sebagaimana firman Allah dalam Surah Attin ayat 5 kepada setinggi kejadian Allah.

Pendidikan merupakan dimensi manusia yang penting malahan merupakan penjana dan pemacu peradaban. Pendidikan akan hanya bererti apabila berlakunya pemindahan nilai sehinggalah nilai itu berupaya membentuk manusia memiliki keperibadian unggul berteraskan kebijaksanaan. Al-Attas (1990) berpendapat bahawa pendidikan daripada perspektif pendidikan Islam pula, matlamat akhir pendidikan ialah untuk membangunkan dan membentuk manusia baik yang sekali gus tentunya akan lahir sebagai seorang warganegara yang baik. Menyedari hakikat ini, barisan kepimpinan pendidikan negara merumuskan gagasan agung dalam bentuk Falsafah Pendidikan Negara yang mengimpikan kewujudan citra warga unggul modal insan pelajar Melayu melalui mata pelajaran Kesusasteraan Melayu untuk menjadikan insan Melayu seimbang dari segi jasmani, emosi, rohani dan intelek.

Mata pelajaran sastera sebenarnya berupaya menjadi pemangkin dan pemacu peradaban bangsa dan kemajuan negara dalam seluruh dimensi kewujudan sesebuah negara yang amat rumit itu. Oleh itu, sastera

berperanan dalam menjana modal insan pelajar Melayu ke arah kemajuan pendidikan. Harus diakui bahawa kesusasteraan itu amat bersesuaian dengan fitrah kejadian manusia yang sukakan keindahan, kesempurnaan, kebaikan, kehalusan, ketertiban, kasih sayang dan seluruh hal yang baik-baik.

Hassan Ahmad (2002:219) menyatakan tentang masyarakat yang berilmu, ataupun tentang budaya ilmu, bermaksud orang atau masyarakat yang mempunyai pengetahuan dan pemahaman yang global, yang menyeluruh, tentang hakikat alam sebagai ciptaan Allah yang tauhid. Pelajar Melayu sebagai modal insan seharusnya menimba pelbagai disiplin ilmu di samping ilmu kesusasteraan untuk memajukan pendidikan. Justeru, pelbagai disiplin ilmu ini haruslah didedahkan kepada seluruh pelajar Melayu tanpa mengira aliran yang dianutnya kerana pada akhirnya nanti mereka akan keluar ke medan kehidupan yang secara langsung sebenarnya secara ketara akan bersempadan dan perbatasan ilmu yang memungkinkannya hidup bahagia dan sejahtera. Mata pelajaran sastera hendaklah diwajibkan kepada pelajar-pelajar terutamanya pelajar Melayu supaya mereka biasa apabila berbicara menggunakan bahasa indah serta mengungkapkan dunia estetika yang selaras dengan akal yang sihat dan fitrah manusia, maka sekali lagi berkeyakinan bahawa dunia akan lebih mendamaikan serta generasi yang bakat menerajui peradaban masa depan yang lebih seimbang. Selain itu, cemerlang dalam pelbagai bidang menjulang martabat bangsa dan negara, seterusnya meletakkan manusia di singgahsana kehebatan yang Maha Esa.

Kesusasteraan merupakan satu aspek kemanusiaan yang penting, menyentuh keperibadian manusia melalui penggunaan bahasa yang berseri, memahamkan pemikiran dan pengalaman manusia melalui struktur yang indah dan berkesan. Pemikiran, ekspresi dan komunikasi serta gaya bahasa yang indah, menjadi titik tolak dan teras kesusasteraan. Kesusasteraan Melayu melibatkan gabungan antara unsur pendidikan jasmani dan pendidikan rohani. Gabungan kedua-dua unsur ini dapat menjana modal insan pelajar Melayu ke arah kemajuan pendidikan. Dari sudut jasmani kesusasteraan dapat membentuk sahsiah yang cemerlang melalui pembacaan teks-teks dan melakukan kajian struktural seperti tema dan persoalan. Genre sastera seperti novel, cerpen dan puisi termasuk dalam teks tradisional, melibatkan tema dan persoalan yang luas, malah menjangkakan sempadan negara dan bangsa. Kisah

peperangan dan kesannya, hubungan kekeluargaan, masalah moral dan keruntuhan akhlak, bencana, percaturan politik dan isu korupsi; dapat dikutip oleh pembaca atau pelajar sebagai panduan dan pedoman hidup. Panduan dan pedoman agar mereka tidak melakukan dan mengamalkan nilai-nilai negatif yang digambarkan oleh genre sastra tersebut. Secara tidak langsung sastra dapat mendidik pembaca atau pelajar menjauhi tindak negatif yang akan merosakkan bangsa dan negara. Sebaliknya menjadikan pendidikan yang cuba disampaikan oleh Kesusasteraan Melayu sebagai landasan untuk membentuk pelajar Melayu sebagai modal insan kelas pertama ke arah kemajuan pendidikan.

Perkembangan Kesusasteraan Melayu seharusnya dibiarkan seiring dengan keperluan zamannya dan sepatutnya diletakkan di tempat yang terhormat supaya dapat diwarisi oleh generasi akan datang. Sastra tradisional seperti pantun, syair, gurindam, seloka, nazam dan prosa telah membuktikan hayatnya dan menjadi wadah yang berjaya membangkitkan semangat nasionalisme di kalangan rakyat Malaysia. Sastra juga berperanan sebagai pembentuk generasi Melayu ke arah kemajuan pendidikan yang cemerlang melalui karya-karya sastra. Bangsa Melayu yang cemerlang melibatkan pembentukan dan amalan yang positif seperti kesetiaan terhadap negara, menyumbang dalam sektor ekonomi, amanah, jujur dan menjadi bangsa yang prihatin. Masyarakat yang cemerlang sebegini tidak dapat dibentuk melalui pendidikan sains dan teknologi. Pendidikan sains dan teknologi tidak menyumbang kepada pembentukan sahsiah, sebaliknya hanya membentuk masyarakat 'nobat' yang terikat dengan fakta semata-mata. Manusia begini tidak memiliki nilai kemanusiaan dan sering tersalah anggap terhadap nilai-nilai tersebut. Manusia sebeginilah yang sebahagian besarnya mencetuskan peperangan, pembunuhan, kemusnahan alam dan punca keruntuhan akhlak.

Dalam menjana modal insan, pelajar Melayu ke arah kemajuan pendidikan, sastra memainkan peranan penting dalam membina pemikiran. Sastra Melayu mempunyai nilai kesempurnaan keindahan serta mampu menyampaikan perasaan, pendapat dan buah fikiran melalui perkataan-perkataan atau ungkapan yang sedap didengar, bertenaga dan menarik. Ungkapan-ungkapan yang terdapat dalam Kesusasteraan Melayu bukan sahaja mempunyai gaya bahasa yang menarik tetapi juga mempunyai kepelbagaian cara dan gaya penyampaiannya. Sebuah fikiran tidak terikat

dengan satu cara atau gaya penyampaian sahaja. Dengan ini, pelajar akan dapat menilai dan memilih cara atau gaya yang lebih sesuai digunakan untuk menyampaikan maksud perasaan mereka.

Selain itu, masyarakat Melayu juga kaya dengan pelbagai bentuk sastra tradisional yang berfungsi sebagai alat pendidikan dan hiburan. Sering kali kita didedahkan dengan cerita sastra lisan seperti Pak Pandir, Pak Kaduk, Lebai Malang dan Mat Jenin. Kesemuanya adalah memberi unsur pendidikan atau mendidik manusia agar menjadi lebih berhati-hati dan sedar betapa ruginya sikap cuai dan lalai. Akal yang merupakan aset penting pada setiap individu perlu dioptimumkan penggunaannya. Semangat pembelajaran sepanjang hayat dan sentiasa berusaha untuk mencapai kecemerlangan dalam setiap bidang yang diceburi merupakan usaha penting ke arah memperkasa sumber manusia dan meningkatkan modal insan pelajar Melayu ke arah kemajuan pendidikan.

### **Kesimpulan**

Kesusasteraan merupakan satu mata pelajaran yang mampu mewujudkan tradisi berfikir kreatif. Berfikir secara kreatif mempunyai kaitan dengan budaya pembelajaran sepanjang hayat yang dapat menjana modal insan pelajar Melayu ke arah kemajuan pendidikan. Peranan sistem pendidikan bukan untuk mengadakan perubahan negara sahaja, tetapi ianya juga mengesahkan pembangunan modal insan dalam negara. Justeru, pendidikan kesusasteraan adalah sebahagian daripada platform yang tepat, yang boleh dimanfaatkan untuk mencapai matlamat tersebut. Melalui perbincangan tentang pemupukan dan pemahaman pendidikan kesusasteraan Melayu, khususnya berdasarkan untuk pengajaran dan pembelajaran dalam kurikulum kesusasteraan, menunjukkan bagaimana caranya matlamat tersebut boleh dicapai. Penekanan kurikulum kesusasteraan ini sendiri adalah untuk melahirkan dan membina modal insan pelajar Melayu yang seimbang dan harmonis serta dilengkapi dengan ciri-ciri kualiti sebagai insan yang dapat memajukan pendidikan negara.

### **Bibliografi**

- A. Samad Said, 1989. *Antara Bulan dan Wira*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Atan Long, 1977 "Kedudukan Kesusasteraan Alat Pengucapan Dalam Kesusasteraan", *Dalam Pengajaran Bahasa dan Kesusasteraan di Malaysia*, oleh Taib Osman. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abd. Rahman Ahmad, Dr Haji. 2006. *Pembangunan Modal Insan: Apa dan Kenapa Perlu Dalam Kutub Organisasi di Malaysia*. Kedah Darul Aman: Human Resources Academy.
- Abdul Halim Ali, 2006. *Ikhtisas Teori & Kritikan Sastera: Barat dan Malaysia*. Tanjung Malim: Penerbitan Profesional Baharu.
- Abdul Rahman Embong, 2006. *Pembangunan dan Kesejahteraan: Agenda Kemanusiaan Abad ke-21*, Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Baharuddin Zainal, 1974. "Bahasa Sebagai Alat Pengucapan Dalam Kesusasteraan" dalam Kertas Kerja Seminar Kesusasteraan Nusantara 1973. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Haji Othman Hamzah al Muqri, *Negara Maju Menurut Perspektif Islam*. Selangor Maju: 15 Jun 2006.
- Haji Shahrudin Baharuddin "Isu Modal Insan Dalam Pilihanraya Sarawak 2006". Kertas Kerja Seminar Peradaban Melayu III Modal Insan Bersepadu Teras Bangsa Terbilang. Universiti Pendidikan Sultan Idris, Februari 2007.
- Hashim Awang, 1988. *Kritikan Kesusasteraan: Teori dan Penulisan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hassan Ahmad, 2002. *Imbasan (Edisi Kedua)*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hasliza Hassan, *Modal Insan Teras Pembangunan Ikut Acuan Sendiri*. Berita Minggu, 15 Julai 2006: 15.
- Ibrahim Ahmad Bajunid, 1985. "Sastera Dalam KBSM". Seminar Umum KBSM, 29-31 Julai, Kuala Lumpur.
- Jaafar Husin, 1982. "Pengajaran Dan Pengajaran Sastera: Terikat Pada Struktur Bukan Apresiasi" dalam Dewan Sastera, Julai. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd. Arifin Ghazali "Pembinaan Modal Insan Dalam Program Kokurikulum" Kertas Kerja Seniman Peradaban Melayu III Modal Insan Bersepadu Teras Bangsa Terbilang UPSI. Februari 2007.
- Ratna Rozhida Abd. Razak "Peranan Sastera Dalam Memperkasakan Modal Insan. Satu Tinjauan Awal." Kertas Kerja Seminar Peradaban Melayu III Modal Insan Bersepadu Teras Bangsa Terbilang. Universiti Pendidikan Sultan Idris, Februari 2007.
- Sanjit S. Gill dan Lee Yah Fee "Islam Hadhari dan Pembinaan Modal Insan: Perspektif Bukan Melayu". Kertas Kerja Seminar Peradaban Melayu III Modal Insan Bersepadu Teras Bangsa Terbilang. Universiti Pendidikan Sultan Idris, Februari 2007.
- Shamsudin Othman, "Hala Tuju Bahasa dan Kesusasteraan Melayu dalam Wahana Pendidikan Nasional" dalam Mohamad Saleeh Rahamad et. al. 2006. *Persuratan Dan Peradaban Nasional*. Persatuan Penulis Nasional Malaysia (Pena): Kuala Lumpur.
- Siti Hawa Haji Salleh, 1997. *Kesusasteraan Melayu Abad Kesembilan Belas*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.